Kata Ganda

Lengkapkan kata ganda dalam setiap ayat di bawah.

1. (Buku) _____ cerita ini diterbitkan oleh Syarikat Bunga Matahari.
2. Daripada kamu (duduk) _____ sahaja di sini, lebih baik kamu menolong saya.
3. Letakkan pinggan itu di atas (para) _____ ini.
4. (Daun) _____ yang berselerakan di halaman rumah telah disapu oleh kakak.
5. Mereka bermain (layang) _____ di padang sekolah pada petang tadi.
6. (Lauk) _____ yang terhidang di atas meja itu disediakan oleh ibu kami.
7. Penagih dadah itu berlari (tunggang) _____ apabila terserempak dengan polis.
8. (Semak) _____ di pinggir kebun datuk telah ditebas oleh pekerja ayah saya.
9. Sebelum hujan tadi, guruh dan kilat (sabung) _____.
10. Penduduk kampung (bantu) _____ membersihkan kawasan tempat tinggal mereka.
11. Umurnya hampir setengah abad, tetapi perangainya masih (budak) _____.
12. (Tanah) _____ di kawasan pedalaman ini amat sesuai ditanam dengan pokok buah naga.
13. Wanita itu memakai (bau) _____ sebelum pergi ke pejabat.
14. Tiang pondok di dusun datuk reput dimakan (anai) _____.
15. Suasana di kantin memang (hingar) _____ pada waktu rehat.

LIVEWORKSHEETS